

**SUMBANGAN INPUT-PERSEKITARAN TERHADAP PENCAPAIAN
MATA PELAJARAN PRINSIP PERAKAUNAN
DI PANTAI BARAT SABAH**

HEE PIT KUAN

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PERAKAUNAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**


2014

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

12.06.2014

HEE PIT KUAN
M20111000255



PENGHARGAAN

Saya dengan hati yang ikhlas ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan bantuan, dorongan, dan sokongan kepada saya sepanjang tempoh masa pengajian saya. Jasa murni yang dihulurkan ini telah membolehkan tesis ini disiapkan dengan jayanya.

Terima kasih yang tidak terhingga ingin saya ucapkan khas untuk penyelia saya, Prof. Madya Dr Norlia Mat Norwani. Saya berasa amat bertuah dapat berjumpa dengannya. Segala bimbingan, teguran, didikan, dan nasihat yang diberi tanpa jemu-jemu sepanjang tempoh penyelidikan ini dijalankan akan saya kenang selama-lamanya.

Sekalung penghargaan juga kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) yang telah memberikan saya cuti selama dua tahun untuk mengikuti kursus sarjana pendidikan di UPSI; Semua pensyarah dan kakitangan UPSI khasnya Fakulti Pengurusan dan Ekonomi atas bantuan dan ilmu yang telah dicurahkan; Panel pakar rujuk yang telah menyemak instrumen kajian saya dengan penuh ketelitian dan kesabaran; Kerjasama dan layanan mesra kakitangan Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM), Bahagian Perancangan dan Penyelidikan (EPRD), Jabatan Pelajaran Negeri Sabah, dan Sektor Pengurusan Akademik Negeri Sabah; Semua warga sekolah kajian terutamanya responden kajian yang menjawab soal selidik dengan jujur dan baik; Rakan-rakan seperjuangan yang saling berkongsi ilmu dan mengharungi suka duka bersama sepanjang tempoh pengajian ini; Dan tidak lupa kepada keluarga tersayang atas motivasi dan galakan yang telah diberikan selama ini.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menentukan sebab-sebab pelajar memilih mata pelajaran Prinsip Perakaunan dan faktor-faktor Input-Persekitaran yang menyumbang kepada pencapaian dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan di Pantai Barat Sabah. Penyelidik membuat tinjauan melalui soal selidik yang telah dilengkapkan oleh 325 orang pelajar tingkatan empat yang mengambil mata pelajaran Prinsip Perakaunan dari tujuh buah sekolah di daerah Kota Kinabalu, Tuaran, dan Papar. Hasil analisis mendapati bahawa majoriti pelajar memilih mata pelajaran ini kerana minat dan aturan sekolah. Terdapat hubungan signifikan positif yang kuat antara ketujuh-tujuh pemboleh ubah bebas yang dikaji dengan pencapaian Prinsip Perakaunan. Namun begitu, hanya pemboleh ubah kualiti usaha, interaksi dengan guru, interaksi dengan rakan, sumber pengajaran, serta pemboleh ubah *dummy* Bahasa Melayu (BM) Penilaian Menengah Rendah (PMR) gred C dan D (BM A vs BM CD) menyumbang kepada pencapaian Prinsip Perakaunan. Kajian mengesyorkan bahawa penekanan pencapaian Bahasa Melayu PMR sebagai kriteria yang dipertimbangkan dalam penawaran pakej elektif Prinsip Perakaunan kepada para pelajar tingkatan empat dan penekanan terhadap faktor-faktor yang menyumbang kepada pencapaian mata pelajaran tersebut.

**CONTRIBUTION OF THE INPUT-ENVIRONMENT TOWARDS
PERFORMANCE OF SUBJECTS ACCOUNTING PRINCIPLES
IN WEST COAST SABAH**

ABSTRACT

This research is designed to identify the reasons students choose subjects Accounting Principles and determine Input-Environment factors that contribute to students' achievement in Accounting Principles in the West Coast of Sabah. Researcher use survey method through a questionnaire completed by 325 form four students who took Accounting Principles from seven schools in the district of Kota Kinabalu, Tuaran, and Papar. Results show that majority students choose this subject because of interest and school arrangement. There is a strong positive significant relationship between the seven independent variables studied towards achievement of Accounting Principles. However, only the variable quality effort, interaction with teachers, interaction with peers, teaching resources, as well as dummy variables Bahasa Melayu (BM) Lower Secondary Assessment (PMR) grade C and D (BM A vs BM CD) contribute to the achievement of Accounting Principles. The study emphasizes Bahasa Melayu PMR achievement as prior criterion considered in elective package offerings of Accounting Principles to form four students and an emphasis on the factors that contribute to this subject achievement.

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.2.1 Peranan dan Kepentingan Prinsip Perakaunan	3
1.2.2 Pengantarabangsaan Mata Pelajaran	4
1.2.3 Objektif Prinsip Perakaunan	6
1.2.4 Pencapaian Prinsip Perakaunan	7
1.3 Pernyataan Masalah	11
1.4 Objektif Kajian	14
1.5 Persoalan Kajian	15
1.6 Hipotesis Kajian	16
1.7 Kerangka Konsep Kajian	17
1.8 Kepentingan Kajian	20
1.9 Skop dan Batasan Kajian	22
1.10 Definisi Operasional	24
1.10.1 Pencapaian Lepas	24
1.10.2 Motivasi	24
1.10.3 Sumber Pengajaran	25
1.10.4 Kaedah Pengajaran Guru	26
1.10.5 Kualiti Usaha	27
1.10.6 Interaksi dengan Rakan	28

	1.10.7 Interaksi dengan Guru	28
	1.10.8 Interaksi dengan Internet	29
	1.10.9 Pencapaian Akademik	29
	1.11 Rumusan	30
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	31
2.1	Pengenalan	31
2.2	Sejarah Perkembangan Prinsip Perakaunan (SPM) di Malaysia	31
2.3	Teori-teori yang Berkaitan	34
2.3.1	Model Gainen dan Locatelli	34
2.3.2	Teori Penglibatan Pelajar Astin dan Model Input-Persekitaran-Output (IPO)	38
2.3.3	Teori Saling Bergantungan Sosial (<i>Social Interdependence Theory</i>)	43
2.3.4	Teori Vygotsky	47
2.3.5	Model Pintrich dan Strategi Pembelajaran Kendiri	50
2.3.6	Justifikasi Pemilihan Model IPO	52
2.4	Kajian-kajian Lepas yang Berkaitan	53
2.4.1	Prinsip Perakaunan dan Perakaunan	53
2.4.2	Pencapaian Lepas	57
2.4.3	Motivasi	59
2.4.4	Sumber Pengajaran	59
2.4.5	Kaedah Pengajaran Guru	60
2.4.6	Kualiti Usaha	63
2.4.7	Interaksi dengan Rakan	63
2.4.8	Interaksi dengan Guru	66
2.4.9	Interaksi dengan Internet	67
2.4.10	Faktor-faktor Lain yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik	69
2.5	Rumusan	71
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	72
3.1	Pengenalan	72
3.2	Reka Bentuk Kajian	73

3.3	Populasi dan Pensampelan Kajian	74
3.3.1	Populasi Kajian	74
3.3.2	Sampel Kajian	75
3.4	Instrumen Kajian	79
3.4.1	Pembinaan Instrumen	79
3.4.2	Kesahan	82
3.4.3	Kebolehpercayaan	85
3.4.4	Kebolehpercayaan dan Kesahan Kajian Rintis	86
3.4.5	Kebolehpercayaan dan Kesahan Kajian Sebenar	90
3.5	Prosedur Kajian	91
3.6	Penganalisan Data	93
3.6.1	Semakan Data	94
3.6.2	Analisis Deskriptif	96
3.6.3	Analisis Inferensi	97
3.7	Rumusan	102
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	103
4.1	Pengenalan	103
4.2	Latar Belakang Pelajar	104
4.3	Analisis Dapatan Deskriptif	108
4.3.1	Persoalan Kajian Pertama	108
4.3.2	Persoalan Kajian Kedua	114
4.4	Analisis Dapatan Inferensi	125
4.4.1	Persoalan Kajian Ketiga	126
4.4.1.1	Hipotesis Satu	128
4.4.1.2	Hipotesis Dua	128
4.4.1.3	Hipotesis Tiga	129
4.4.1.4	Hipotesis Empat	129
4.4.1.5	Hipotesis Lima	130
4.4.1.6	Hipotesis Enam	130
4.4.1.7	Hipotesis Tujuh	131
4.4.2	Persoalan Kajian Keempat	131
4.5	Rumusan	135

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN 138

5.1	Pengenalan	138
5.2	Perbincangan Kajian	139
5.2.1	Hubungan Input dengan Output	139
5.2.2	Hubungan Persekitaran dengan Output	142
5.3	Implikasi dan Cadangan Kajian	150
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	153
5.5	Rumusan	154

RUJUKAN	156
---------	-----

LAMPIRAN	166
----------	-----

A	Pencapaian Prinsip Perakaunan Negeri Sabah Mengikut Bahagian dan Daerah dari Tahun 2009 Hingga 2012	166
B	Jadual Penentu Saiz Sampel Berdasarkan Populasi	167
C	Borang Pengesahan Soal Selidik	168
D	Instrumen Kajian	187
E	Surat Kelulusan daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan (EPRD)	193
F	Surat Kelulusan daripada Jabatan Pelajaran Negeri Sabah	194
G	<i>Boxplots</i> bagi Pemboleh-pemboleh Ubah	195
H	<i>Scatterplot</i> bagi Pemboleh-pemboleh Ubah Bebas dengan Pemboleh Ubah Bersandar	199
I	Analisis Regresi <i>Enter</i>	203

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1.1 Bilangan Mata Pelajaran yang Ditawarkan kepada Calon SPM	4
1.2 GPMP Prinsip Perakaunan (SPM) Peringkat Kebangsaan	8
1.3 Nilai Gred Mata Pelajaran SPM	9
1.4 Perbandingan GPMP Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan Kebangsaan dengan Negeri Sabah	10
1.5 Calon Prinsip Perakaunan (SPM) yang Layak Menerima Sijil LCCI daripada <i>Education Development International (EDI), England</i>	11
2.1 Perbandingan Kriteria Hasil Pembelajaran yang Ingin Dicapai dalam Program Perakaunan Australia Berbanding dengan Keluarga Teori Pengajaran	47
3.1 Saiz Sampel Setiap Daerah Berdasarkan Nisbah Populasi	77
3.2 Pensampelan Sekolah	77
3.3 Pensampelan Sebenar Berbanding dengan Pensampelan yang Dirancang	78
3.4 Jadual Pembinaan Instrumen Kajian	80
3.5 Skala Likert yang Digunakan dalam Instrumen	82
3.6 Purata Skor Penilaian Item Instrumen oleh Panel Pakar Rujuk	83
3.7 <i>Kaiser Meyer Olkin Measure of Sampling Adequacy (KMO)</i>	85
3.8 Analisis Kebolehpercayaan Setiap Pemboleh Ubah Bebas (Kajian Rintis)	89
3.9 Kesahan Setiap Pemboleh Ubah Bebas	90
3.10 Analisis Kebolehpercayaan Setiap Pemboleh Ubah Bebas (Kajian Sebenar)	91
3.11 Tafsiran Skor Min	96
3.12 Kekuatan Nilai Pekali Korelasi	98
3.13 Pengekodan Pemboleh Ubah Berkategori (Pencapaian Lepas) kepada Pemboleh Ubah <i>Dummy</i>	101

3.14	Pemboleh Ubah <i>Dummy</i> yang Diwujudkan untuk Pemboleh Ubah Berkategori (Pencapaian Lepas)	101
4.1	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Jantina ($n = 325$)	104
4.2	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Bangsa ($n = 325$)	105
4.3	Taburan Bilangan dan Peratusan Gred PMR Responden bagi Mata Pelajaran Bahasa Melayu, Matematik, dan Kemahiran Hidup ($n = 325$)	105
4.4	Taburan Bilangan dan Peratusan Gred PMR Responden bagi Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Mengikut Kategori	107
4.5	Taburan Bilangan dan Peratusan Masa Ulang Kaji Responden dalam Sehari ($n = 325$)	107
4.6	Taburan Bilangan dan Peratusan Sebab Responden Memilih Prinsip Perakaunan Mengikut Keutamaan	110
4.7	Taburan Bilangan dan Peratusan Sebab-sebab Lain yang Dinyatakan oleh Responden	111
4.8	Taburan Bilangan, Peratusan, dan Min bagi Faktor Motivasi ($n = 325$)	115
4.9	Taburan Bilangan, Peratusan, dan Min bagi Faktor Sumber Pengajaran ($n = 325$)	116
4.10	Taburan Bilangan, Peratusan, dan Min bagi Faktor Kaedah Pengajaran Guru ($n = 325$)	117
4.11	Taburan Bilangan, Peratusan, dan Min bagi Faktor Kualiti Usaha ($n = 325$)	119
4.12	Taburan Bilangan, Peratusan, dan Min bagi Faktor Interaksi dengan Rakan ($n = 325$)	121
4.13	Taburan Bilangan, Peratusan, dan Min bagi Faktor Interaksi dengan Guru ($n = 325$)	123
4.14	Taburan Bilangan, Peratusan, dan Min bagi Faktor Interaksi dengan Internet ($n = 325$)	124
4.15	Rawatan untuk Kes <i>Outliers</i>	126
4.16	Nilai Korelasi Pemboleh-pemboleh Ubah Bebas dengan Pemboleh Ubah Bersandar	127
4.17	Senarai Kes Rawatan atau <i>Outliers</i>	132
4.18	Jadual ANOVA ^b	133

4.19	Jadual Ringkasan Model ^b	133
4.20	Nilai <i>Coefficients</i> Pemboleh Ubah	134
4.21	Rumusan Sebab Responden Memilih Mata Pelajaran Elektif Prinsip Perakaunan	136
4.22	Rumusan Tahap Usaha Responden Ketika Mempelajari Prinsip Perakaunan	136
4.23	Rumusan Hubungan Korelasi Pemboleh-pemboleh Ubah Bebas dengan Pemboleh Ubah Bersandar	137



SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konsep Kajian	20
2.1 Kerangka Penilaian Model Gainen dan Locatelli	35
2.2 Hubungan Hasil Pembelajaran yang Ingin Dicapai, Ciri-ciri Pelajar, Persekitaran Pendidikan, dan Pencapaian Pelajar	37
2.3 Model IPO (1993)	40
2.4 Hubungan Saling Bergantungan Positif dan Interaksi Menggalak	45
2.5 Zon Perkembangan Proximal	49
2.6 Penentuan Timbal Balik (<i>Reciprocal Determinism</i>)	52

SENARAI SINGKATAN

ACCA -	<i>The Association Of Chartered Certified Accountants</i>
AECC -	<i>Accounting Education Change Commission</i>
AICPA-	<i>The American Institute for Public Accountant</i>
CAT 1 -	<i>Certified Accounting Technician One</i>
CFA -	<i>Confirmatory Factor Analysis</i>
CIMA -	<i>Chartered Institutes of Management Accountants</i>
CLT -	<i>Central Limit Theorem</i>
EDI -	<i>Education Development International</i>
EPRD -	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
ERT -	Ekonomi Rumah Tangga
<i>f</i> -	<i>Frequency / Kekerapan</i>
GPMP -	Gred Purata Mata Pelajaran
ICT -	<i>Information and Communication Technology /</i> Teknologi Maklumat dan Komunikasi
IPO -	Model Input-Persekitaran-Output
IPT -	Institusi Pengajian Tinggi
K-S -	<i>Kolmogorov-Smirnov</i>
KBSM-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KMO -	<i>Kaiser Meyer Olkin Measure of Sampling Adequacy</i>
KPM -	Kementerian Pelajaran Malaysia
KT -	Kemahiran Teknikal
LCCI -	<i>London Chambers of Commerce and Industry</i>
LDP -	Latihan dalam perkhidmatan
LPM -	Lembaga Peperiksaan Malaysia

<i>M</i>	-	<i>Mean / Min</i>
MASB	-	<i>Malaysian Accounting Standards Board</i>
MIA	-	<i>Malaysian Institute of Accountants / Institut Akauntan Malaysian</i>
MICPA	-	<i>Malaysian Institute Certified of Public Accountants</i>
MRSM	-	Maktab Rendah Sains Mara
MUET	-	<i>Malaysian University Entrance Test</i>
NGMP	-	Nilai gred mata pelajaran
PBS	-	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PK	-	Perdagangan dan Keusahawanan
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah
PNGK	-	Purata Nilai Gred Keseluruhan
PPD	-	Pejabat pelajaran daerah
<i>r</i>	-	Korelasi <i>Pearson</i>
SAPS	-	Sistem Analisis Peperiksaan
SD	-	<i>Standard Deviation / Sisihan piawai</i>
SES	-	Status sosioekonomi
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia / <i>Malaysian Certificate of Education</i>
SPSS	-	<i>Statistical Package for The Social Science</i>
STPM	-	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
TESL	-	<i>Teaching English as a Second Language</i>
UPSR	-	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah
VIF	-	<i>Varian Inflation Factor</i>
ZOPD	-	Zon Perkembangan Proximal

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Tujuan penyelidikan ini ialah untuk menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian prestasi Prinsip Perakaunan, Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di Pantai Barat Sabah. Antara perkara yang dibincangkan dalam bab ini ialah latar belakang kajian, peranan dan kepentingan mata pelajaran Prinsip Perakaunan, pengantarabangsaan Prinsip Perakaunan, pencapaian objektif Prinsip Perakaunan, pencapaian Prinsip Perakaunan, dan permasalahan Prinsip Perakaunan. Bab ini seterusnya membincangkan objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kerangka konsep kajian, kepentingan kajian, dan batasan kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Sektor industri bertumbuh dengan pesat sejak pengumuman Wawasan 2020. Permintaan pasaran terhadap tenaga buruh mahir dan tidak mahir turut bertambah drastik untuk diserap masuk ke dalam dunia perindustrian dan perniagaan termasuk bidang perakaunan. Ini dapat dibuktikan apabila Institut Akauntan Malaysia selaku badan bertauliah yang mendaftarkan semua akauntan di Malaysia melaporkan peningkatan keahlian dari 6,205 ahli (tahun kewangan 1991/1992) ke 17,479 ahli (tahun kewangan 2001/2002), dan 28,489 ahli (tahun kewangan 2011/2012) (Institut Akauntan Malaysia, 2012). Selain itu, apabila melayari bahagian “*Accounting / Finance jobs*” dalam pencarian kerja di laman agensi kerja terkenal di Malaysia, hasil paparan menunjukkan kewujudan 3,545 jawatan kosong (JobStreet.com.my, 2012), dan 4,666 jawatan kosong (JobStreet.com.my, 2013) sedia menunggu diisi.

Oleh itu, mata pelajaran Prinsip Perakaunan peringkat SPM selaku ilmu asas pengetahuan perakaunan tidak boleh diabaikan. Peringkat sekolah menengah adalah peringkat yang penting untuk melengkapkan dan menyediakan pelajar ke peringkat yang lebih tinggi seperti kelas tingkatan enam, matrikulasi, kolej, universiti mahupun dunia pekerjaan. Kelemahan pencapaian mata pelajaran di peringkat SPM akan memberi impak apabila pelajar ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Ini juga dipersetujui oleh Zuaini Ishak, Nor Aziah Abdul Manaf, dan Rosliza Mat Zin (2008), serta Azizi Yahaya, Halimah Ma'alip, dan Mohamad Hasan Omar (2011). Menurut Suhaida Abdul Kadir, Zaidatul Akmaliah Lope Pihie, Noran Fauziah Yaakub, Habibah Elias Rohani, dan Ahmad Tarmizi (2006), kerajaan sebenarnya amat menggalakkan pelajar mengambil mata pelajaran ini kerana pentingnya aspek

perakaunan dalam pembangunan ekonomi negara.

1.2.1 Peranan dan Kepentingan Prinsip Perakaunan

Prinsip Perakaunan ialah salah satu daripada mata pelajaran elektif SPM yang ditawarkan kepada pelajar tingkatan empat dan lima dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) di bawah Kumpulan Vokasional dan Teknologi mulai tahun 1992 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990). Ilmu Prinsip Perakaunan merupakan ilmu lanjutan simpan kira dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup di peringkat menengah rendah, dan asas bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dalam bidang perakaunan (Arfah Hanum Anuar, 2007).

Menurut Jabatan Pendidikan Teknikal (2003), kurikulum mata pelajaran Prinsip Perakaunan dibentuk untuk golongan pelajar yang memiliki, perlu mengurus sesebuah perniagaan, serta ingin bekerja dalam sesuatu bidang yang memerlukan pengetahuan dan kemahiran asas perakaunan selepas tamat persekolahan. Tan Sri Dato' Haji Alimuddin bin Haji Mohd Dom, bekas Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia pula mengatakan bahawa kurikulum pendidikan perakaunan mendukung cita-cita unggul dalam menyediakan warga Malaysia untuk menghadapi cabaran era globalisasi abad ke 21. Beliau berkata penguasaan prinsip dan konsep perakaunan dalam mata pelajaran ini sebenarnya membantu murid menguasai pengetahuan asas bidang bagi pembangunan modal insan yang seterusnya mengisi keperluan negara maju 2020 (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2009).

1.2.2 Pengantarabangsaan Mata Pelajaran

Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) telah menawarkan lebih seratus mata pelajaran (Jadual 1.1) kepada calon SPM setiap tahun. Tetapi, hanya dua mata pelajaran sahaja yang dikenal pasti oleh kerajaan dalam usaha mendapatkan pengiktirafan antarabangsa iaitu mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Prinsip Perakaunan (Lembaga Peperiksaan, 2008, 2009, 2010, 2011, 2012). Pengiktirafan antarabangsa dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan merujuk kepada projek dua pensijilan. Satu usaha kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dengan dua buah badan perakaunan antarabangsa terkenal iaitu *The Association Of Chartered Certified Accountants* (ACCA) dan *London Chambers of Commerce and Industry* (LCCI) bermula tahun 2007.

Jadual 1.1

Bilangan Mata Pelajaran yang Ditawarkan kepada Calon SPM

Tahun	2007	2008	2009	2010	2011
Bilangan mata pelajaran	109	111	103	103	112

Sumber: Lembaga Peperiksaan (2008, 2009, 2010, 2011, 2012)

Dalam projek ini, calon yang mengambil mata pelajaran Prinsip Perakaunan, SPM dan lulus dengan baik akan mendapat pengiktirafan antarabangsa selain sijil SPM. Pengiktirafan ini merujuk kepada sijil LCCI tahap dua yang dikeluarkan oleh *Education Development International* (EDI), England dan surat pengecualian menduduki kertas *Certified Accounting Technician One* (CAT 1), ACCA England (Lembaga Peperiksaan, 2008). Calon yang lulus Prinsip Perakaunan dengan baik dan

memperoleh sekurang-kurangnya gred 6C dalam Bahasa Inggeris 1119 layak diberi sijil LCCI (*Pass, Credit, atau Distinction*) dalam Bahasa Inggeris. Sementara calon yang lulus Prinsip Perakaunan dengan baik tetapi mendapat gred 7D, 8E dan 9G dalam Bahasa Inggeris 1119 hanya layak diberi sijil LCCI (*Pass, Credit, atau Distinction*) dalam Bahasa Melayu.

Selain itu, kurikulum mata pelajaran ini telah banyak kali disemak, diubahsuai dan dikemas kini agar selari dengan pembangunan negara dan serentak dengan perkembangan dunia dalam teknologi maklumat. Menurut Bahagian Pembangunan Kurikulum (2009), pelaksanaan kurikulum Prinsip Perakaunan semak semula yang memenuhi keperluan badan profesional perakaunan seperti MASB, MIA, MICPA, CIMA, ACCA, dan LCCI adalah untuk melahirkan individu yang berprofesional perakaunan peringkat sekolah tetapi bertaraf antarabangsa. Usaha ini juga selari dengan hasrat kerajaan dalam merealisasikan Malaysia menjadi pusat kecemerlangan pengajian tinggi serantau dan antarabangsa menjelang 2020.

Kesungguhan pihak KPM dalam memartabatkan mata pelajaran elektif SPM ini telah membuktikan kepentingan mata pelajaran ini kepada pembangunan negara. Ini dipersetujui oleh Suzana Mad Hezir (2012) bahawa bidang ini tidak disisihkan oleh kerajaan. Persaingan yang hebat dalam dunia globalisasi menyebabkan sistem pendidikan ditingkatkan bagi melahirkan pelajar yang berdaya saing dan mempunyai pengetahuan yang tinggi (Jamaludin Ramli & Naswa Jusoh, 2011).

1.2.3 Objektif Prinsip Perakaunan

Kurikulum Prinsip Perakaunan terkini telah menggariskan lapan objektif yang perlu dicapai iaitu:

- 1) Menghuraikan konsep dan kitaran perakaunan yang diamalkan dalam organisasi perniagaan dan bukan perniagaan.
- 2) Menyediakan satu set akaun yang lengkap untuk perniagaan milikan tunggal secara manual dan komputer; akaun penamat untuk perkongsian, kelab dan persatuan serta menghitung nilai pendapatan, aset dan liabiliti dalam keadaan rekod tak lengkap.
- 3) Mengaplikasikan prinsip pengurusan tunai dalam menyediakan belanjawan tunai, penyata penyesuaian bank dan buku tunai (jurnal penerimaan dan pembayaran tunai) termasuk tunai runcit sistem panjar (*imprest system*).
- 4) Membuat perbandingan antara jenis perniagaan dari aspek perakaunan bagi pemilikan perniagaan milikan tunggal, perkongsian, syarikat dan organisasi bukan perniagaan.
- 5) Mengaplikasikan analisis kos-volum untung untuk membuat keputusan.
- 6) Menilai prestasi kewangan sesebuah perniagaan dengan menggunakan analisis nisbah asas.
- 7) Mempamerkan kemahiran berkomunikasi, kerja berkumpulan, pengurusan dan kepimpinan serta etika profesional dalam melaksanakan aktiviti perakaunan.
- 8) Mampu menggunakan teknologi maklumat dalam bidang perakaunan.

(Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2009, ms. xii-xiii)

Umumnya, penilaian dibuat untuk mengukur pencapaian objektif (Azizi Ahmad & Mohd Isha Awang, 2008; Khalid Ismail & Rohaila Yusof, 2012). Penilaian boleh dilakukan dengan pelbagai kaedah di pelbagai peringkat untuk mendapatkan bukti keberkesanan pembelajaran dan pencapaian objektif (Khalid Ismail & Rohaila Yusof, 2012). Menurut Wan Mohd Helmi Wan Hanafi (2012), penilaian tidak dapat dipisahkan daripada pengajaran dan pembelajaran, produknya ialah kualiti insan. Di sekolah, penilaian dilaksanakan untuk mengukur dan menggambarkan perkembangan pelajar dalam aspek kognitif, afektif dan psikomotor (Wan Mohd Helmi Wan Hanafi, 2012). Sementara itu, Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan sebagainya (Azizi Ahmad & Mohd Isha Awang, 2008) merupakan penilaian peringkat kebangsaan.

1.2.4 Pencapaian Prinsip Perakaunan

Lembaga Peperiksaan (2008) menyifatkan pemberian sijil SPM kepada pelajar sebagai pengiktirafan terhadap tahap penguasaan pembelajaran pelajar selama sebelas tahun persekolahan. Jamaludin Ramli dan Naswa Jusoh (2011) pula mengatakan tahap penguasaan ilmu merujuk kepada pencapaian prestasi akademik pelajar yang digambarkan oleh purata nilai gred tertinggi yang dapat dikumpul oleh seseorang. Pada masa yang sama, Aderemy Minhat dan Mohd Hisyam Mohd Hashim (2012) melaporkan bahawa kecerdasan intelek seseorang pelajar menjamin tempat belajar di kolej atau institusi pengajian tinggi, dan membolehkan seseorang memegang jawatan profesional. Walpole (2008) pula mengata bahawa pendidikan kolej meningkatkan

peluang ekonomi individu.

Namun begitu, data (Jadual 1.2) dari LPM telah menunjukkan pencapaian Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) Prinsip Perakaunan adalah kurang memuaskan iaitu Gred C+ sahaja dari tahun 2007 hingga 2011 (Keterangan untuk GPMP adalah berdasarkan Jadual 1.3). Selain itu, Wan Mohd Helmi Wan Hanafi (2012) menegaskan dalam kajiannya bahawa 16,223 calon yang gagal dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan dalam peperiksaan SPM 2009 adalah perkara serius dan guru perlu mengenal pasti kelemahan yang wujud dalam strategi pengajaran mereka dalam mengatasi masalah ini. Kajian awal Suhaida Abdul Kadir et al. (2006) juga melaporkan pencapaian Prinsip Perakaunan SPM 1996 adalah kurang memuaskan bagi sekolah-sekolah daerah Hulu Langat, Selangor.

Jadual 1.2

GPMP Prinsip Perakaunan (SPM) Peringkat Kebangsaan

Tahun	2007	2008	2009	2010	2011
Bilangan calon	90,732	89,341	94,768	93,923	90,831
GPMP	5.23	5.38	5.12	5.15	5.36
Keterangan	Memuaskan	Memuaskan	Memuaskan	Memuaskan	Memuaskan

Nota. GPMP = Gred Purata Mata Pelajaran; Bilangan calon = Jumlah calon keseluruhan yang mengambil mata pelajaran Prinsip Perakaunan termasuk calon KPM, calon MRSM, calon swasta dan sebagainya; Sumber: Lembaga Peperiksaan Malaysia (2013)

Jadual 1.3

Nilai Gred Mata Pelajaran SPM

Gred	Markah	NGMP	Pencapaian	Keterangan
A+	90–100	0	Cemerlang tertinggi	Sangat baik
A	80–89	1	Cemerlang tinggi	
A-	75–79	2	Cemerlang	
B+	70–74	3	Kepujian tertinggi	Baik
B	65–69	4	Kepujian tinggi	
C+	60–64	5	Kepujian atas Kepujian	Memuaskan
C	50–59	6		
D	45–49	7	Lulus atas	Sederhana
E	40–44	8	Lulus	Lemah
G	1–39	9	Gagal	Gagal

Nota. NGMP = Nilai Gred Mata Pelajaran; Markah lulus ialah 40 ke atas; Sumber: Lembaga Peperiksaan Malaysia (2013); Sistem Analisis Peperiksaan (SAPS) (2013)

Setakat ini masih kurang kajian yang dibuat mengenai pencapaian mata pelajaran Prinsip Perakaunan di Malaysia mahupun di negeri Sabah, termasuk Pantai Barat Sabah. Padahal kajian atas pencapaian Prinsip Perakaunan di negeri Sabah adalah amat perlu kerana GPMP negeri tersebut bukan sahaja di bawah tahap pencapaian kebangsaan malahan merupakan negeri yang paling lemah pada tahun 2009 dan 2010 (Jadual 1.4).

Pencapaian yang kurang memuaskan ini akan menjatuhkan yakin diri pelajar dalam meneruskan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dalam bidang yang sama kerana kurikulumnya lebih mencabar. Contohnya, ilmu lanjutan seperti Perakaunan tingkatan enam telah dikritik menghadapi masalah kekurangan bahan rujukan di pasaran dan pelajar perlu mempelajari banyak topik dalam masa yang singkat;